

# Usah terpedaya

## ■ Mahasiswa UNIMAS dinasihati tidak berkempen dalam kampus pada PRU-13

Oleh Micheal Sering  
am@mediaprima.com.my  
Samarahan

**M**ahasiswa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) diingatkan tidak terpedaya dengan hasutan pihak luar sehingga membawa kekecohan ke dalam kampus sepanjang kempen Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, walaupun penuntut universiti dibenarkan berpolitik, namun ia tidak bermakna mereka boleh kempen ke dalam kampus.

Katanya, pelajar universiti kini dibenarkan berpolitik di luar kampus dan tidak ada sebab mereka membawanya ke dalam kampus.

"Kita memberikan peringatan ini kerana ada pihak tidak senang melihat keadaan kampus UNIMAS berterusan dalam keadaan tenang dan menghasut pelajar

.....

“ Jika ada pelajar melakukan kekecohan, saya tidak gemar mengambil tindakan disiplin, sebaliknya memberi nasihat bahawa tindakan mereka itu menyebabkan mereka mengabaikan pengajian”

**Mohd Fadzil Abdul Rahman**

supaya turut berkempen di dalam kampus,” katanya ketika merasmikan program Sukarelawan Inspirasi Kenyalang 2013, di Kampus UNIMAS, di sini, semalam.

Acara tiga hari disertai 80 sukarelawan pelajar UNIMAS akan mengadakan lawatan ke 10 sekolah rendah di pedalaman Sibuan dan Saratok bagi melakukan program kemasyarakatan dan



**MOHD Fadzil menandatangani buku bakal diserahkan kepada murid sekolah di pedalaman.**

memberikan 500 buku cerita, rujukan dan kamus disumbangkan pelajar UNIMAS.

Mohd Fadzil berkata, pihaknya belum mengesan pelajar membawa kempen politik ke dalam kampus atau mahu melakukan kekecohan, tetapi pihak meningkatkan pemantauan kegiatan pelajar di kampus.

"Jika ada pelajar melakukan kekecohan, saya tidak gemar mengambil tindakan disiplin, sebaliknya akan memberi nasihat bahawa tindakan mereka itu menyebabkan mereka menga-

baikan pengajian," katanya.

Sementara itu, Mohd Fadzil juga mengumumkan mulai pengambilan pelajar sesi Jun-Julai depan, UNIMAS dan Yayasan Sarawak menyediakan 100 biasiswa kepada pelajar miskin dari pedalaman.

Katanya, Biasiswa Yayasan Sarawak-Pusat Pengajian Pra Universiti UNIMAS diberikan kepada pelajar terpilih yang memasuki program pra-universiti sebagai sumbangan tanggungjawab sosial korporat bagi membantu masyarakat pedalaman Sarawak.